

Warkah Diplomasi antara Kesultanan Melayuwiyyah Islamiyyah Terengganu dengan Pesuruhjaya Tinggi British, 1881-1918

Diplomatic Correspondence between Terengganu Melayuwiyyah Islamiyyah Sultanate and British High Commissioner, 1881-1918

Ramli, N. S. H.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6017-9404484 E-mel: syakinah.hayati98@gmail.com

Azmi, R. (Pengarang Penghubung)

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-9852143 E-mel: riswadi@umt.edu.my

Puteh, M. N.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-2902747 E-mel: asmadi1110@gmail.com

Sulaiman, R.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-9755515 E-mel: ruzaini@umt.edu.my

Abdullah, A.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-7618427 E-mel: aisyahabdullah@umt.edu.my

Karim, A. I.

HBI Creative Enterprise, No. 7, Lorong Sentosa 6, Taman Sentosa, 36700 Langkap, Perak,
Malaysia

Tel: +6013-8527637 E-mel: izmaltranung@gmail.com

I'sa, H.

HBI Creative Enterprise, No. 7, Lorong Sentosa 6, Taman Sentosa, 36700 Langkap, Perak,
Malaysia

Tel: +6019-4196713 E-mel: hafiziisa197@gmail.com

Abstrak

Kerajaan Great Britain melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) mula

meluaskan kuasanya di Tanah Melayu dengan menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786. Kuasa Eropah ini telah membawa ancaman terhadap kedaulatan

Raja-raja Melayu. Namun, Kesultanan Melayuwiyyah Islamiyyah Terengganu, di bawah pimpinan Sultan Zainal Abidin III, berjaya menghadapinya dengan bijaksana melalui dasar diplomasi. Sultan Zainal Abidin III menjalankan hubungan baik dengan pihak British melalui perutusan warkah-warkah diraja yang membolehkan Terengganu kekal berdaulat dan bebas daripada pengaruh asing, terutamanya Siam. Dengan pendekatan diplomatik ini, Terengganu menjadi satu-satunya negeri Melayu Islam yang kekal merdeka di bawah perlindungan British. Sehubungan dengan itu, artikel ini menganalisis struktur dan kandungan warkah diplomasi antara Kesultanan Terengganu dan Pesuruhjaya Tinggi British semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian sejarah dan kaedah kepustakaan. Sebanyak 10 pucuk warkah diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan Pesuruhjaya Tinggi British telah dipilih dari Koleksi Arkib Negara Malaysia. Warkah-warkah tersebut kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan diplomasi ini bukan sahaja menjamin kedaulatan negeri Terengganu, bahkan hubungan bilateral ini turut memberi kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi, keselamatan, dan kesejahteraan rakyat negeri tersebut.

Kata kunci: Warkah; Surat-menjurat; Sultan Zainal Abidin III; Kesultanan Terengganu; Diplomasi

Abstract

The government of Great Britain, through the English East India Company (SHTI), began to expand its power in Malaya by

occupying Penang in 1786. This European power has brought a threat to the sovereignty of the Malay Kings. However, the Terengganu Islamic Malay Sultanate under the leadership of Sultan Zainal Abidin III, managed to deal with it wisely through diplomacy. Sultan Zainal Abidin III managed to deal with it wisely through diplomacy. Sultan Zainal Abidin III established good relations with the British through the sending of royal correspondence, that allowed Terengganu to remain sovereign and free from foreign influence, especially Siam. With this diplomatic approach, Terengganu became the only Malay Muslim state that remained independent under British protection. Accordingly, this article analyzes the structure and content of diplomatic documents between the Sultanate of Terengganu and the British High Commissioner during the reign of Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). This study uses a qualitative approach, historical research methods and library methods. A total of 10 diplomatic correspondences between Sultan Zainal Abidin III and the British High Commissioner have been selected from the Malaysian National Archives Collection. The documents were then analyzed through the document analysis method. The results of the study show that this diplomatic relationship not only guarantees the sovereignty of the state of Terengganu, but also this bilateral relationship has a positive effect on the economic growth, security, and well-being of the people of the state.

Keywords: Warkah; Correspondence; Sultan Zainal Abidin III; Terengganu Sultanate, Diplomatic

Pengenalan

Warkah Alam Melayu menjadi bukti wujudnya jaringan komunikasi antara kerajaan-kerajaan Melayu terdahulu

dengan kerajaan Barat menerusi perantaraan warkah atau surat-menjurut. Keindahan laras bahasa, pemilihan kata dan susunan ayat dalam warkah Alam Melayu yang sarat dengan mesej-mesej diplomasi, menjadi sumber penting sejarah pemerintahan Kesultanan Melayu, terutamanya pada abad ke-18 dan ke-19 Masihi. Di samping itu, warkah Alam Melayu turut melambangkan kekuatan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan utama dalam urusan perdagangan dan pentadbiran di Alam Melayu (Raja Ariffin, 2001). Oleh hal yang demikian, struktur penulisan warkah Alam Melayu telah dijadikan sebagai gaya penulisan standard bagi surat-surat diplomatik pada zaman tersebut (Majid, 2019).

Menurut Muhammad (2018) hubungan diplomatik merupakan aspek penting bagi sesebuah kerajaan untuk menyebarkan pengaruh dan mengukuhkan aspek ekonomi, politik dan sebagainya. Tujuan utama sesebuah negara kecil menjalinkan hubungan diplomasi dengan kerajaan berkuasa besar adalah untuk mengelakkan daripada serangan dan ancaman kuasa asing. Sehubungan dengan itu, usaha ke arah mewujudkan hubungan diplomatik antara negeri Terengganu dengan Kerajaan British sudah bermula sejak zaman pemerintah Sultan Mansur Shah I, Sultan Terengganu ke-2 lagi. Buktinya, Sultan Mansur I telah mengutuskan surat kepada Francis Light untuk meminta pertolongan daripada pihak Kompeni Inggeris bagi melindungi Terengganu daripada ancaman Siam. Selain itu, baginda turut meminta bantuan Francis Light untuk menumpangkan bakal-bakal Haji Terengganu menaiki kapal-kapal Inggeris (Mohamed Amin, 2020). Walaubagaimanapun hubungan yang terjalin antara negeri Terengganu dengan pihak Inggeris pada zaman Sultan Mansur I

hanyalah melibatkan hubungan ekonomi dan perdagangan sahaja, lantaran pihak Kompeni Inggeris di Bengala menolak permintaan baginda untuk menjalinkan hubungan diplomatik kerana Kompeni Inggeris pada masa itu mengamalkan dasar tidak campur tangan terhadap pemerintahan negeri-negeri Melayu.

Selepas kemangkatan Sultan Mansur I, Sultan-sultan Terengganu selepas baginda hanya menjalinkan hubungan perdagangan dengan kerajaan British sehingga pada tahun 1869, Sultan Baginda Omar, Sultan Terengganu ke-9 memulakan langkah untuk menjalinkan hubungan diplomasi antara Negeri Terengganu dengan pihak British. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, baginda telah menghantar duta khas baginda iaitu Tengku Muhammad Ariffin ke England untuk bertemu dengan Ratu Victoria bagi membincangkan usaha dan langkah proaktif dalam menghadapi ancaman Siam. Selain itu, Baginda Sultan Omar turut mengutuskan warkah diplomasi beserta hadiah kepada Ratu Victoria (Omar Din & Nik Mahmud, 2011). Meskipun hasrat tersebut tidak berjaya, kebijaksanaan Sultan Baginda Omar memulakan langkah untuk menjalinkan hubungan luar dengan kerajaan Great Britain telah mengukuhkan lagi kedaulatan serta keselamatan negeri Terengganu.

Selepas zaman pemerintahan Sultan Baginda Omar, kedaulatan negeri Terengganu mula tercabar setelah termeterainya Perjanjian Bangkok 1909 yang ditandatangani antara kerajaan Siam dan pihak British. Perjanjian tersebut menyatakan bahawa “Segala hak perintah, naungan dan pentadbiran serta sebarang kuasa yang dipegang oleh kerajaan Siam dalam negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan pulau-pulau yang berdekatan dengan negeri itu, diserahkan

oleh kerajaan Siam kepada kerajaan British” (Adil, 1982). Rentetan itu, Sultan Zainal Abidin III menolak perjanjian tersebut sekemas-kerasnya menerusi rundingan dengan pihak British, yang akhirnya membawa kepada perjanjian persahabatan antara kerajaan Terengganu dengan kerajaan Great Britain yang ditandatangan pada 22 April 1910. Perjanjian tersebut telah menjadikan negeri Terengganu sebagai negeri lindungan British dan kerajaan British mengiktiraf negeri Terengganu sebagai sebuah negeri Melayu Islam yang merdeka. Selepas daripada perjanjian tersebut, hubungan diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan pihak British diperkuuhkan menerusi perutusan warkah-warkah diplomasi baginda. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menganalisis struktur serta kandungan warkah-warkah diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan pihak Pesuruhjaya Tinggi British yang tersimpan dalam Koleksi Arkib Negara Malaysia.

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan pendekatan kajian sejarah atau metod historis. Sehubungan dengan itu, kaedah kajian sejarah yang merangkumi empat tahap iaitu heuristik, kritik, intrepretasi dan historiografi menjadi panduan utama dalam proses pengumpulan data dan analisis data. Data-data bagi kajian ini diperoleh daripada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder yang dikumpulkan menerusi kaedah kajian kepustakaan. Sumber primer yang digunakan merupakan dokumen arkib iaitu warkah Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu ke-11 dan warkah Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura. Manakala sumber sekunder kajian ini

merupakan bahan perpustakaan seperti buku, bab buku, thesis, artikel serta kertas kerja. Bahan rujukan sekunder ini diperoleh hasil daripada kunjungan penyelidik ke Perpustakaan Awam Negeri Terengganu dan Perpustakaan Muzium Negeri Terengganu.

Pemilihan sumber primer dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu dengan menetapkan warkah diplomasi sebagai fokus utama kajian. Oleh hal yang demikian, warkah-warkah yang dipilih dalam kajian ini hanyalah warkah yang berkisar tentang hubungan diplomasi antara Kerajaan Terengganu dengan Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Meskipun terdapat banyak warkah diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan Pesuruhjaya Tinggi British yang telah dikenalpasti tersimpan dalam koleksi simpanan Arkib Negara Malaysia, namun hanya 10 pucuk warkah sahaja yang dipilih untuk dibincangkan dalam kajian ini. Kesemua warkah yang dipilih merupakan koleksi simpanan dokumen dari ibu pejabat Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Terengganu.

Seterusnya, proses analisis data dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Warkah diplomasi Sultan Zainal Abidin III dan Pesuruhjaya Tinggi British dianalisis dari aspek struktur warkah serta kandungannya. Menurut Merriam (2001), analisis dokumen kebiasaannya melibatkan pendekatan analisis kandungan kerana ia merupakan prosedur yang sistematik dalam menghuraikan kandungan komunikasi. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini kaedah analisis dokumen digunakan untuk menganalisis kandungan warkah diplomasi yang dipilih. Di samping itu, analisis

terhadap kandungan dan struktur warkah ini turut melibatkan proses transliterasi warkah daripada Jawi lama ke Rumi. Proses ini dijalankan bagi memudahkan penyelidik memahami serta menghayati kandungan teksnya untuk dianalisis.

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Biografi Sultan Zainal Abidin III

Sultan Zainal Abidin III merupakan putera sulung kepada Sultan Ahmad II (1876-1881), Sultan Terengganu yang ke-10. Ibunda baginda Tengku Kalthum binti Sultan Muhammad Muazzam Shah (1832-1841) adalah puteri kepada Sultan Riau-Lingga yang ke-2 (Harun, 2017). Baginda diputerakan pada 27 Zulkaedah 1281 bersamaan 23 April 1865. Baginda kemudiannya mewarisi takhta Kesultanan Terengganu setelah kemangkatan ayahandanya, ketika baginda berusia 16 tahun 7 bulan 27 hari iaitu pada 27 Muharam 1299 bersamaan 19 Disember 1881 (Omar Din & Nik Mahmud, 2011).

Sultan Zainal Abidin III dilantik menjadi sultan Terengganu ke-11 disebabkan pengetahuan agama serta penguasaan baginda dalam pelbagai bidang ilmu, meskipun pada masa tersebut bapa saudaranya, Tengku Abbas merupakan Yang Di Pertuan Muda negeri Terengganu, yang secara tradisinya sepatutnya menaiki takhta setelah kemangkatan sultan atau Yang Di Pertuan Besar (Muda, 1989). Perlantikan Sultan Zainal Abidin III sebagai sultan Terengganu menggantikan ayahandanya telah mendapat sokongan dan dorongan daripada beberapa orang tokoh ulama Terengganu seperti Engku Saiyid Abdul Rahman (Tokku Paloh) dan Saiyid Abdullah bin Muhammad Zain al-Idrus,

Menteri Besar Terengganu yang digelar Engku Besar Paduka Raja (Adil, 1982).

Keperibadian dan perwatakan Sultan Zainal Abidin III sering digambarkan sebagai seorang sultan yang alim dan sangat cintakan ilmu pengetahuan. Hal ini didorong oleh kehidupan baginda yang sering mendampingi para ulama (Harun, 2017). Menurut Awang (1992) antara ulama yang menjadi guru baginda ialah Habib Umar al-Attas, Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin (Tok Syeikh Duyong), Saiyid Abdul Rahman bin Saiyid Muhammad (Tokku Paloh), serta Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah (anak Tok Syeikh Duyong).

Keakraban hubungan Sultan Zainal Abidin III dengan ulama di zamannya terbukti melalui perutusan surat-menyurat baginda (Hamzah & Ahmad, 2015). Baginda turut memuliakan para ulama dengan melantik mereka memegang jawatan penting dalam pemerintahan. Antaranya ialah Tok Syeikh Duyong yang dilantik sebagai mufti negeri Terengganu, bergelar Syeikhul Ulama. Manakala Tokku Paloh pula dilantik menjadi Syeikhul Islam iaitu penasihat peribadi baginda (Abdullah, 1986). Selain perwatakan baginda yang sangat mencintai ilmu pengetahuan dan memuliakan para ulama, Sultan Zainal Abidin III turut mempunyai sakhsiyah yang terpuji sehingga baginda sering dipuji oleh ulama serta dikasihi oleh rakyat jelata.

Negeri Terengganu pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III berdepan dengan desakan, ancaman dan campur tangan pihak Siam dan British, terutamanya setelah termeterainya Perjanjian Bangkok 1909 yang menyatakan kerajaan Siam menyerahkan hak ketuanannya ke atas Terengganu kepada

pihak British. Menyedari akan ancaman tersebut, baginda telah mengukuhkan lagi kedaulatan negeri Terengganu melalui penggubalan Undang-undang Tubuh Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang dikenali sebagai Itqanul Muluk Bi Ta'dil al-Suluk pada 2 November 1911, bagi menyekat pengaruh dan campur tangan British dalam pemerintahan negeri Terengganu (Abd Wahab et al., 2023). Penggubalan undang-undang tersebut sebagai perlombagaan negeri turut mengukuhkan lagi kedudukan sultan sebagai ketua negeri dan Islam diisythihar sebagai agama rasmi bagi negeri Terengganu (Tuan Shariff, 1984). Di samping itu, pentadbiran negeri Terengganu juga semakin bertambah teratur, lantaran tertubuhnya Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Kerajaan hasil daripada penggubalan perlombagaan tersebut (Ngah, 1983).

Menurut Omar Din dan Nik Mahmud (2011) setelah Sultan Zainal Abidin III memerintah negeri Terengganu selama 36 tahun 9 bulan 6 hari, baginda akhirnya dijemput Ilahi. Berita kemangkatan Sultan Zainal Abidin III telah tersebar luas dalam kalangan rakyat Terengganu serta seluruh pelusuk Tanah Melayu. Kerajaan negeri Terengganu melalui Setiausaha Kerajaan (SUK), telah menyiarkan berita kemangkatan baginda dan mengeluarkan perintah perkabungan melalui surat yang dihantar kepada semua Pesuruhjaya Jajahan. Dalam surat tersebut dinyatakan tarikh kemangkatan baginda iaitu pada malam Isnin, 21 haribulan Safar 1337H pada jam 2:15 pagi, berdasarkan laporan yang diterima daripada doktor peribadi baginda, Doktor Kondo (Hashim, 1991).

Pentarikhan Warkah

Pentarikhan terhadap warkah Alam Melayu dilakukan dengan meneliti struktur penutup warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebiasaan tarikh pada warkah Melayu tradisional dicatat pada bahagian penutup warkah. Menurut Mohamed Amin (2019) selain mencatatkan tarikh warkah, bahagian penutup warkah turut mengandungi beberapa maklumat penting yang lain seperti hari, masa serta tempat warkah tersebut ditulis. Sehubungan dengan itu, Jadual 1 di bawah menunjukkan tarikh-tarikh yang telah dikenalpasti tercatat pada bahagian penutup 10 warkah diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan Pesuruhjaya Tinggi British yang dipilih.

Setelah melakukan penelitian terhadap kesemua warkah tersebut, pengkaji mendapati bahawa bahagian penutup warkah diplomasi Sultan Zainal Abidin III dan Pesuruhjaya Tinggi British bermula dengan frasa “tertulis” atau “termaktub”, kemudian barulah mereka menyatakan tempat serta tarikh warkah tersebut ditulis. Contohnya, bahagian penutup warkah kiriman Sultan Zainal Abidin III kepada Sir Charles Bullen G. C. M. G. iaitu “Tertulis di dalam negeri Terengganu pada 24 haribulan Safar sanah 1314”. Bahagian penutup warkah tersebut menunjukkan bahawa Sultan Zainal Abidin III menggunakan kalender hijriah dan perkataan arab “sanah” yang bermaksud tahun, dalam penulisan penutup warkah diplomasi baginda.

Penggunaan kalender Hijrah menjadi keutamaan dan kebiasaan bagi Sultan Zainal Abidin III terutamanya dalam urusan rasmi baginda kerana negeri Terengganu merupakan sebuah negeri Melayu Islam yang mengamalkan Islam dalam seluruh aspek pemerintahan negeri. Justeru itu, terdapat banyak warkah baginda yang mencatatkan tarikh hijrah

berbanding dengan tarikh masihi. Namun begitu, baginda turut mencatatkan tarikh masihi pada warkah diplomasi baginda yang lain terutamanya selepas baginda memeterai perjanjian dengan pihak British pada 22 April 1910. Penulisan kedua-dua tarikh tersebut adalah ditulis secara berasingan dalam dua baris, iaitu dengan mendahuluikan penulisan tarikh hijrah berbanding dengan tarikh masihi contohnya penulisan tarikh pada warkah 6 (ANM 1985/0000111) iaitu “Termaktub di dalam Terengganu pada 27 haribulan Jamadilakhir 1329” ditulis pada baris pertama dan “Berbetulan dengan 25 haribulan Jun 1911” dinyatakan pada baris yang kedua.

Manakala, warkah diplomasi yang diterima oleh Sultan Zainal Abidin III daripada pihak Pesuruhjaya Tinggi British pula kebiasaannya hanya mencatatkan tarikh mengikut kalendar Masihi sahaja seperti warkah 4 (ANM 1985/0000060) dan warkah 9 (ANM 2007/0052858).

Jadual 1: Tarikh Warkah Diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan Pesuruhjaya Tinggi British

Warkah	No. Penerimaan Warkah	Tarikh Warkah (Hijrah)	Tarikh Warkah (Masihi)
Warkah 1	1957/0581521	24 Safar 1314	-
Warkah 2	1957/0583174	14 Zulhijjah 1318	-
Warkah 3	1957/0583173	14 Zulhijjah 1318	-
Warkah 4	1985/0000060	-	21 Mei 1904
Warkah 5	1957/0592683	14 Ramadhan 1328	-
Warkah 6	1985/0000111	27 Jamadil Akhir 1329	25 Jun 1911
Warkah 7	1957/0594846	3 Syawal 1330	-
Warkah 8	1985/0000147	3 Ramadhan 1331	6 Ogos 1913
Warkah 9	2007/0052858	-	24 Mac 1915
Warkah 10	1957/0599074	17 Zulhijjah 1333	-

Cap Mohor Sultan Zainal Abidin III

Penggunaan cap mohor atau meterai pada warkah Melayu lama merupakan suatu tradisi bagi masyarakat Melayu terdahulu. Walau bagaimanapun, cap mohor hanya

Walaubagaimanapun, terdapat juga warkah daripada pihak British yang mencatatkan tarikh mengikut kedua-dua kalendar, Masihi dan juga Hijrah. Sebagai contoh, warkah diplomasi kiriman Sir Arthur Young K. C. M. G. kepada baginda (ANM 1985/0000147) yang mencatatkan lokasi, tarikh masihi serta tarikh hijrah warkah dalam tiga baris seperti “Termaktub di Labuan”, “Pada 6 haribulan August 1913”, “Berbetulan dengan 3 haribulan Ramadhan sanah 1331”. Hal ini menunjukkan bahawa pegawai British lebih mengutamakan penggunaan tarikh masihi berbanding dengan tarikh hijriah. Maka dapat disimpulkan bahawa, catatan tarikh warkah mengikut kedua-dua kalendar menggambarkan bahawa wujudnya penerimaan dan sikap hormat-menghormati terhadap budaya yang berbeza antara kedua-dua pemimpin. Hal ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan lagi hubungan diplomasi yang terjalin antara Kesultanan Terengganu dengan pihak British.

dimiliki oleh golongan tertentu sahaja seperti Sultan-sultan Melayu, kerabat diraja, golongan bangsawan, pejabat kerajaan serta pegawai British. Cap mohor lazimnya digunakan dalam warkah-warkah rasmi dengan tujuan untuk membuktikan

kesahihan dan keaslian sesuatu warkah (Rakhadiyanti & Limpong, 2020). Selain itu, kedudukan cap mohor pada warkah Alam Melayu turut mempunyai maksudnya yang tersendiri. Lantaran, kedudukan cap mohor dapat menentukan darjah antara pengirim dengan penerima warkah (Muhammad, 2018).

Di samping itu, keunikan ukiran dan kepelbagaiannya bentuk cap mohor yang dimiliki oleh Sultan-sultan Melayu melambangkan identiti khusus bagi seseorang sultan serta daulah pemerintahannya (Abdul Karim, 2018). Menurut Gallop (1994) cap mohor yang dimiliki Sultan-sultan Melayu mengandungi nama dan gelaran sultan dalam bahasa Arab serta tahun pemerintahannya. Justeru itu, cap mohor menjadi lambang kedaulatan serta kemegahan Sultan-sultan Melayu. Dalam warkah diplomasi Sultan Zainal Abidin III, baginda menggunakan cap mohor berbentuk bulat serta mempunyai ukiran corak floral disekelilingnya. Di tengah-tengah bulatan cap mohor tersebut terdapat lima baris perkataan yang tertulis nama dan gelaran baginda iaitu “Al-Wathiqu Billah al-Malikul Matin al-Sultan Zainal Abidin ibni al-Sultan Ahmad al-Marhum sanah 1299H”.


Gelaran atau istilah bahasa Arab “Al-Wathiqu Billah” yang terdapat pada cap mohor Sultan Zainal Abidin III bermaksud orang yang percaya dan yakin kepada Allah. Manakala istilah “Al-Malik al-Matin” pula membawa maksud raja yang kukuh dan tegas. Gelaran pertama yang digunakan oleh Sultan Zainal Abidin III ini jelas mencerminkan identiti baginda sebagai seorang muslim serta menunjukkan pegangan atau keyakinan baginda selaku seorang hamba kepada Tuhan. Gelaran “Al-Malikul Matin” pula menggambarkan

keperibadian dan perwatakan baginda sebagai seorang sultan yang tegas, berkuasa dan mempunyai pendirian yang kukuh. Seterusnya, tahun 1299 hijrah yang terpahat pada baris akhir cap mohor tersebut merupakan tahun hijriah baginda menaiki takhta kerajaan negeri Terengganu Darul Iman, menggantikan al-marhum ayahanda baginda, Sultan Ahmad. Gambar cap mohor yang digunakan oleh Sultan Zainal Abidin III ini adalah sebagaimana Rajah 1.



Rajah 1: Cap mohor Sultan Zainal Abidin III

Meskipun tandatangan bukan sebahagian daripada tradisi masyarakat Melayu terdahulu, namun terdapat empat pucuk warkah diplomasi Sultan Zainal Abidin III yang mempunyai tandatangan di bawah cap mohor baginda. Hal ini menunjukkan, baginda mula menerima dan menggunakan budaya Barat yang menggunakan tandatangan sebagai tanda pengesahan diri selaku pengirim warkah. Walau bagaimanapun, tandatangan baginda tidak sama dengan tandatangan yang sering digunakan oleh masyarakat Barat, kerana baginda menggunakan tulisan Jawi sebagai tandatangan. Tandatangan baginda yang terdapat pada warkah 5 (ANM 1957/0592683), warkah 6 (ANM 1985/0000111), warkah 7 (ANM 1957/0594846) dan warkah 10 (ANM 1957/0599074) adalah seperti dalam gambar Rajah 2.



Rajah 2: Tandatangan Sultan Zainal Abidin III




Cap Mohor Pesuruhjaya Tinggi British

Warkah 4 (ANM 1985/0000060), warkah 8 (ANM 1985/0000147) dan warkah 9 (ANM 2007/0052858) merupakan warkah diplomasi yang diutuskan oleh pihak Pesuruhjaya Tinggi British kepada Sultan Zainal Abidin III. Warkah 4 (ANM 1985/0000060) adalah warkah kiriman Sir John Anderson K. C. M. G, manakala dua warkah yang selebihnya iaitu warkah 8 (ANM 1985/0000147) dan warkah 9 (ANM 2007/0052858) merupakan warkah kiriman Sir Arthur Young K. C. M. G. Pada ketiganya warkah tersebut terterap cap mohor jawatan Pesuruhjaya Tinggi British seperti dalam Rajah 3.

Rajah 3 juga menunjukkan cap mohor Tuan Yang Terutama Sir John Anderson K. C. M. G, yang dicap pada warkah kiriman beliau kepada Sultan Zainal Abidin III, dengan menggunakan dakwat merah. Cap mohor berbentuk bulat serta memiliki sepuluh kelopak ini mengandungi tulisan Rumi disekelilingnya, manakala di tengah-tengahnya pula terdapat tulisan Jawi sebanyak lima baris. Tulisan Rumi yang terpahat pada cap mohor tersebut merupakan frasa “Governor Straits Settlements”, yang ditulis menggunakan huruf besar. Manakala frasa “Al-‘Izzu al-‘Aziz Governor dan Commander in Chief ada serta yang memerintah Starits serta Singapura Pulau Pinang dan Melaka” tertulis pada bahagian tengah bulatan cap mohor tersebut dalam tulisan Jawi.

Rajah 3: Cap mohor Sir John Anderson K. C. M. G.

Selain menggunakan cap mohor sebagai pengganti atau identiti diri, Sir John Anderson K. C. M. G. turut menaruhkan tandatangannya pada warkah diplomasi beliau. Tandatangan beliau yang terdapat pada warkah 4 (ANM 1985/0000060) adalah seperti gambar Rajah 4.




Rajah 4: Tandatangan Sir John Anderson K. C. M. G.

Rajah 5 di bawah menunjukkan cap mohor Tuan Arthur Young K. C. M. G. yang mempunyai bentuk yang sama seperti cap mohor John Anderson, iaitu berbentuk bulat serta mempunyai sepuluh kelopak disekelilingnya. Berbeza dengan John Anderson, Tuan Arthur Young memeterai cap mohornya dengan menggunakan dakwat berwarna biru. Di tengah-tengah cap mohor beliau terdapat gelaran serta jawatannya iaitu “Yang Terutama Governor dan Commander in chief Pulau Pinang dan Melaka, Singapura serta Labuan dan High Commissioner bagi Negeri2 Melayu Yang Bersekutuan dan Brunei” yang diukir menggunakan tulisan Jawi. Manakala tulisan Rumi “Governor & Commander-in-Chief S. S. & Labuan. High Commissioner for the F. M. S. & Brunei” diukir mengelilingi bulatan tengah cap mohor tersebut.



Rajah 5: Cap mohor Arthur Young K. C. M. G.

Di samping itu, pada warkah 8 (ANM 1985/0000147) dan warkah 9 (ANM 2007/0052858) juga terdapat tandatangan Tuan Arthur Young di bawah cap mohor beliau. Bentuk tandatangan beliau adalah seperti Rajah 6:



Rajah 6: Tandatangan Arthur Young K. C. M. G.

Kepala Surat

Kepala surat pada warkah Alam Melayu, yang terdiri daripada satu perkataan atau beberapa patah perkataan Arab dapat memberikan gambaran awal mengenai mesej dan inti pati kandungan yang ingin disampaikan oleh pengirim warkah. Unsur-unsur alam atau nama Tuhan merupakan antara istilah yang sering digunakan sebagai kepala surat. Pemilihan unsur alam seperti as-syams (matahari), al-qamar (bulan) dan an-nujum (bintang) merupakan metafora atau kiasan yang mengandungi mesej tersendiri yang ingin disampaikan secara tersirat oleh pengirim warkah. Secara tafsirannya, sifat ketiga-tiga unsur alam tersebut yang memancarkan cahaya dikiaskan dengan sifat Raja-raja Melayu yang sering menjadi pelindung kepada rakyatnya sama ada pada waktu siang maupun malam (Ab. Karim, 2005). Justeru itu, unsur alam tersebut digunakan pada warkah Alam Melayu bagi menggambarkan kedudukan, kedaulatan

serta tanggungjawab penting Raja-raja Melayu dalam melindungi rakyat baginda.

Selain itu, nama-nama Tuhan seperti *Ya Aziz*, *al-Haqq*, *al-Fattah* dan lain-lain digunakan sebagai kepala surat bagi menggambarkan keagungan dan kekuasaan Allah, Tuhan yang memiliki sekalian alam. Oleh hal yang demikian, pemilihan kepala surat adalah bergantung kepada pengirim warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengirim warkah yang menentukan kepala surat yang sesuai digunakan serta mengandungi maksud tersirat yang ingin disampaikan kepada penerima warkah (Gallop, 1994). Antara kepala surat yang digunakan pada warkah-warkah diplomasi yang dipilih adalah *al-mustahaq* (penting), *as-syams wa al-qamar* (bulan dan bintang), *qauluha al-haq* (kata-katanya yang benar) serta *ya nur as-syams wa al-qamar* (wahai cahaya matahari dan bulan) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, kepala surat yang paling banyak digunakan dalam warkah diplomasi yang dipilih adalah “*al-mustahaq*”. Perkataan bahasa Arab “*al-mustahaq*” yang bermaksud “penting” paling banyak digunakan kerana kandungan warkah-warkah diplomasi tersebut mengandungi mesej-mesej penting terutamanya melibatkan urusan pemerintahan dan pentadbiran kedua-dua buah kerajaan. Seterusnya, “*qauluha haq*” digunakan sebagai kepala surat terutamanya bagi warkah yang mengandungi maklum balas, pandangan, atau keputusan yang ingin disampaikan oleh pengirim kepada penerima warkah. Menurut Ab. Karim (2005) *qauluha haq* juga digunakan untuk warkah yang menzhirkan keikhlasan hati dan perasaan sebenar pengirim warkah seperti warkah yang kandungannya menyatakan kegembiraan hati serta penghargaan yang

ikhlas ditujukan oleh pengirim kepada penerimanya.

Jadual 2: Kepala Surat Warkah Diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan Pesuruhjaya Tinggi British

Kepala Surat	Warkah	Bilangan Warkah
As-Syams wa al-Qamar	1	1
Al-Mustahaq	2, 3, 5, 7	4
Qauluhu al-Haq	4, 6, 10	3
Ya Nur as-Syams wa al-Qamar	8, 9	2

Sebagaimana yang telah dinyatakan mengenai maksud “*as-syams wa al-qamar*” yang dikiaskan kepada tanggungjawab Raja-raja Melayu yang sentiasa melindungi rakyat jelatanya, maka kepala surat ini biasanya digunakan pada warkah diplomasi yang menyentuh mengenai aspek keselamatan dan keamanan negeri. Manakala, wahai cahaya bulan dan bintang (*ya nur as-syams wa al-qamar*) pula digunakan sebagai kepala surat bagi warkah diplomasi yang diutuskan oleh pihak British kepada Raja-raja Melayu. Hal

Kata Alu-aluan Warkah

Sultan Zainal Abidin III memulakan mukadimah warkah diplomasi baginda dengan kata alu-aluan “surat yang amat tulus ikhlas yang terbit daripada *fu'ad al-zakiyah* hening jernih yang tiada menaruh lupa dan lalai melainkan cinta ingatan yang kebijikan jua selamanya selagi ada berkekalan peredaran cakrawala matahari dan bulan”. Kata alu-aluan tersebut bertujuan untuk mezahirkan keikhlasan hati baginda menjalinkan hubungan baik dengan pihak British menerusi perantaraan warkah-warkah baginda. Baginda turut membahasakan diri baginda dengan kata ganti diri “kita” atau “beta” serta memperkenalkan diri baginda sebagai Sultan Terengganu dengan menyatakan bahawa baginda ialah “Sultan Zainal Abidin bin al-Marhum Sultan Ahmad yang empunya perintahan negeri Trengganu dan

ini bertepatan dengan maksud perkataannya yang berbentuk seruan dengan kata seru “wahai” atau dalam bahasa Arabnya “ya”, yang menyeru bulan dan bintang yang merujuk kepada Raja-raja Melayu. Sehubungan dengan itu, kepala surat ini digunakan oleh pegawai British khususnya dalam warkah mereka yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas atau kenyataan daripada Raja-raja Melayu mengenai sesuatu perkara.

sekalian jajahannya” atau “al-Sultan Zainal Abidin yang empunya perintahan negeri Trengganu dan sekalian daerah taklukannya”.

Seterusnya, baginda kemudiannya menyatakan nama beserta jawatan pegawai British yang menjadi penerima warkah baginda. Dalam pada itu, Sultan Zainal Abidin III turut memberikan pengiktirafan kepada pegawai British tersebut dengan pujian sebelum menyatakan hasrat atau tujuan warkah baginda diutuskan. Sebagai contoh dalam warkah 1 (ANM 1957/0581521), baginda menyatakan bahawa warkah tersebut ditujukan kepada “Tuan Yang Terutama Sir Charles Bullen Hugh Mitchell G. C. M. G gabenor yang memerintah tiga buah negeri Straits Settlements dengan amat keadilannya”. Pengiktirafan serta pujian baginda terhadap pemerintahan Sir Charles Bullen yang adil,

akan melahirkan kegembiraan dan rasa dihargai dalam diri pegawai British tersebut. Hal ini akan mewujudkan hubungan yang harmoni dan erat antara kedua-dua pemimpin tersebut. Tambahan pula, baginda membahasakan pegawai British dengan panggilan “sahabat kita” dalam warkah-warkah baginda.

Pihak Pesuruhjaya Tinggi British turut menghormati dan memuliakan Sultan Zainal Abidin III dalam pengenalan warkah beliau iaitu dengan mengakui baginda sebagai Sultan Terengganu serta mendoakan kesejahteraan buat baginda dan negeri Terengganu. Buktinya, pada pengenalan warkah Sir Arthur Young K. C. M. G, jelas menyatakan bahawa warkahnya ditujukan khas kepada baginda sultan dan pada masa yang sama beliau turut mendoakan baginda seperti yang tertulis iaitu “Yang Maha Mulia Paduka Seri al-Sultan Zainal Abidin K. C. M. G ibni al-Marhum Sultan Ahmad Yang Di Pertuan Negeri Trengganu yang ada ketika ini bersemayam di atas singgahsana takhta kerajaan di dalam Trengganu dengan aman sejahteranya amin”. Di samping itu, pihak Pesuruhjaya Tinggi British turut membahasakan baginda dengan panggilan “seri paduka sahabat beta”.

Kandungan Warkah

Hubungan diplomasi antara negeri Terengganu dengan pihak British dapat dilihat secara jelas menerusi kandungan 10 pucuk warkah diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan Pesuruhjaya Tinggi British ini. Kandungan warkah 1 (ANM 1957/0581521) memaparkan kerjasama antara Kesultanan Terengganu dan pihak British terutamanya dalam memastikan keamanan dan keselamatan negeri Terengganu sentiasa terpelihara. Menerusi surat balas tersebut, Sultan Zainal

Abidin III mengambil maklum mengenai berita yang disampaikan oleh Sir Charles Bullen Hugh Mitchell G. C. M. G. berkenaan dengan pesalah bernama Awang Itam yang melarikan diri ke Sungai Semarak, jajahan negeri Kelantan. Memandangkan kedudukan Hulu Semarak, Pasir Putih, Kelantan yang bersebelahan dengan Besut, Terengganu, maka Sultan Zainal Abidin III memaklumkan baginda telah meningkatkan kawalan keselamatan di Besut, sempadan Terengganu-Kelantan. Di samping itu, baginda turut memaklumkan kepada pihak British bahawa baginda bersedia memberikan kerjasama menangkap pesalah tersebut jika didapati melarikan diri ke negeri Terengganu.

Warkah 2 (ANM 1957/0583174) iaitu warkah diplomasi Sultan Zainal Abidin III yang ditujukan khas kepada Sir Frank Athelstane Swettenham G. C. M. G. merupakan simbol diplomasi dan suatu bentuk penghormatan Sultan Zainal Abidin III terhadap Pesuruhjaya Tinggi British yang baru dilantik. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam kandungan warkah diplomasi ini baginda telah menzahirkan ucapan tahniah atas perlantikan Sir F. A. Swettenham sebagai Pemangku Gabenor dan Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Selat yang baru, menggantikan Sir James Alexander Swettenham K. C. M. G. Dalam pada itu baginda turut mendoakan agar pemerintahan Sir F. A. Swettenham aman serta melimpahkan kemakmuran kepada negeri-negeri di bawah pemerintahan beliau. Warkah diplomatik ini telah menjadi permulaan kepada jalinan kerjasama antara Kesultanan Terengganu dengan pegawai Pesuruhjaya Tinggi British yang baru menjalankan tugas.

Seterusnya, menerusi kandungan warkah 3 (ANM 1957/0583173), Sultan Zainal

Abidin III menzahirkan rasa dukacita baginda setelah mendapat perkhabaran daripada Sir James Alexander Swettenham K. C. M. G mengenai kemangkatan Ratu Victoria, Ratu Great Britain. Warkah diplomasi ini dikirimkan kepada Sir Frank Athelstane Swettenham untuk dipersembahkan kepada Raja Edward VII. Dalam warkah sembah takziah ini, baginda turut menzahirkan sembah ucapan tahniah kepada Raja Edward VII selaku putera tertua Ratu Victoria, yang akan menaiki takta sebagai Raja England mengantikan seri paduka bondanya. Sehubungan dengan itu, baginda turut mendoakan Raja Edward VII dipanjangkan usia dan zaman pemerintahannya serta mendoakan pemerintahannya berjalan dengan adil, aman dan sentosa. Sebelum mengakhiri warkah diplomasi ini, Sultan Zainal Abidin III tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada Sir James Alexander Swettenham kerana memaklumkan baginda mengenai perkhabaran kemangkatan tersebut. Baginda turut berterima kasih kepada Sir Frank Athelstane Swettenham atas kesudian menyampaikan mesej diplomasi baginda kepada Raja Edward VII. Warkah diplomasi ini secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa Pesuruhjaya Tinggi British memainkan peranan penting sebagai penghubung atau orang tengah antara kerajaan Terengganu dengan Great Britain.

Warkah 4 (ANM 1985/0000060) merupakan warkah diplomasi yang diterima oleh Sultan Zainal Abidin III daripada Tuan Yang Terutama Sir John Anderson K. C. M. G, Gabenor Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi British bagi Tanah Melayu. Kandungan warkah diplomasi ini memaparkan wujudnya hubungan perdagangan merentasi negeri antara Terengganu dengan Singapura khususnya dalam kegiatan

ekonomi, pengeksportan haiwan ternakan lembu dari Terengganu ke Singapura. Warkah ini diutuskan dengan tujuan untuk memberi kebenaran kepada Sultan Zainal Abidin III bagi meneruskan kembali urus niaga dan urusan pengsportan haiwan ternakan tersebut ke Singapura, setelah urusan tersebut diberhentikan ekoran penularan wabak penyakit lembu yang menjaskan kesihatan ternakan lembu di Terengganu. Walaubagaimanapun, lembu yang dibenarkan untuk dieksport mestilah melalui pemantauan tahap kesihatannya terlebih dahulu oleh pihak baginda sultan serta dijamin selamat daripada dijangkiti sebarang penyakit. Hal ini bertujuan untuk memelihara mutu dan kualiti haiwan ternakan yang dieksport serta langkah ini juga dapat mengelakkan berlakunya penularan wabak penyakit lembu ke Singapura.

Selanjutnya, kandungan warkah 5 (ANM 1957/0592683) iaitu warkah diplomasi Sultan Zainal Abidin III yang diutuskan kepada Sir John Anderson G. C. M. G, jelas mencerminkan rasa sukacita dan kegembiraan hati baginda setelah mendapat perkhabaran bahawa sahabat baginda, Sir John Anderson akan melawat baginda di Terengganu. Sebagaimana yang dinyatakan dalam warkah Sir John Anderson sebelumnya yang bertarikh 13 September 1910, beliau dan rombongannya akan bertolak ke Terengganu pada 16 Syawal 1328 bersamaan dengan 21 Oktober 1910, dan dijangka tiba di Terengganu pada jam tiga petang. Sehubungan dengan itu, menerusi warkah ini Sultan Zainal Abidin III memaklumkan bahwa baginda bersedia menerima kedatangan Pesuruhjaya Tinggi British tersebut yang ikhlas sudi mengadakan kunjungan hormat ke negeri pemerintahan baginda.

Kandungan warkah 6 (ANM 1985/0000111) mencerminkan kejayaan hubungan diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan kerajaan Great Britian. Hal ini dikatakan demikian kerana, warkah ini menjadi bukti pengiktirafan Raja Great Britian terhadap Sultan Zainal Abidin III selaku Sultan Terengganu. Warkah diplomasi ini merupakan warkah penghargaan Sultan Zainal Abidin III atas kurniaan pingat serta darjah kebesaran, *Knight Commander of The Most Distinguished Order of St. Micheal and St. George* (K. C. M. G), yang dianugerahkan oleh King George V, Raja Great Britain kepada baginda sempena ulang tahun pertabalan di England. Bintang dan darjah kebesaran tersebut kemudiannya telah disampaikan kepada Sultan Zainal Abidin III oleh Pesuruhjaya Tinggi British Sir Arthur Henderson Young, ketika beliau melawat Terengganu pada 9 Oktober 1911 (15 Syawal 1929) dalam suatu istiadat khas (Awang, M. A. 1992). Maka dapat disimpulkan bahawa pengurniaan pingat dan darjah kebesaran tersebut jelas mencerminkan ketokohan Sultan Zainal Abidin III serta kejayaan hubungan diplomasi antara kerajaan baginda dengan kerajaan Great Britian.

Intipati kandungan warkah 7 (ANM 1957/0594846) adalah berkenaan dengan hasrat Sultan Zainal Abidin III yang ingin melakukan kunjungan hormat ke Singapura pada bulan Syawal tahun 1330 Hijrah. Warkah diplomasi ini diutuskan kepada Sir Arthur Young untuk memaklumkan terlebih dahulu hasrat baginda itu, bagi mendapatkan persetujuan dan maklum balas daripada beliau selaku Gabenor Singapura. Dalam warkah tersebut, Sultan Zainal Abidin III menyatakan bahawa baginda akan meneruskan hajat baginda sekiranya pihak Sir Arthur Young sudi menerima kehadiran baginda beserta

rombongan. Sultan Zainal Abidin turut menyatakan bahawa baginda akan berangkat dari Terengganu pada 12 Syawal dengan menaiki kapal *Calypso* dan dijangka tiba di Singapura pada 13 Syawal 1330 bersamaan dengan 24 September 1912. Secara keseluruhannya, kandungan warkah diplomasi ini telah memberi gambaran bahawa kunjungan hormat Sultan Zainal Abidin III ke Singapura merupakan manifestasi daripada hubungan yang baik antara negeri Terengganu dengan pihak Pesuruhjaya Tinggi British.

Kandungan warkah 8 (ANM 1985/0000147) menunjukkan Pesuruhjaya Tinggi British mengambil berat terhadap tahap kesihatan masyarakat di negeri Terengganu. Tujuan warkah diplomasi Tuan Arthur Young ini diutuskan adalah untuk mengetahui perkembangan pekerjaan cungkil atau colek serta perkembangan penyakit ketumbuhan (cacar) yang berlaku di negeri Terengganu. Menerusi warkah ini, pihak Pesuruhjaya Tinggi British telah menawarkan pertolongan kepada Sultan Zainal Abidin III khususnya berkenaan dengan tusuk cungkil dan sebagainya yang diperlukan baginda bagi memastikan kesihatan masyarakat di negeri Terengganu bertambah baik. Tuan Arthur Young turut menyuarakan pertanyaan beliau tentang berapa lama lagi boleh dihabiskan pekerjaan menyungkil seluruh rakyat negeri baginda supaya masyarakat di negeri Pahang dan Kelantan serta kapal-kapal saudagar dari Singapura tidak lagi takut akan penyakit tersebut menjangkiti diri mereka terutamanya apabila ingin menjalankan urusan perdagangan dan sebagainya dengan rakyat dari negeri Terengganu. Sebelum mengakhiri warkah ini, Tuan Arthur Young meminta Sultan Zainal Abidin III memaklumkan dengan segera kepada beliau di Singapura, sekiranya wabak cacar tersebut melanda

negeri Terengganu lagi pada masa akan datang. Kandungan warkah ini secara umumnya menunjukkan wujudnya kerjasama antara kerajaan British dengan Terengganu dalam usaha menangani penularan wabak penyakit berjangkit.

Hubungan diplomasi antara dua buah negara atau kerajaan dikukuhkan lagi dengan irungan hadiah bersama-sama dengan perutusan warkah. Amalan mengirim hadiah ini turut diperlakukan oleh Sultan Zainal Abidin III. Hal ini dapat dilihat menerusi kandungan warkah 9 (ANM 2007/0052858) yang merakamkan mengenai kiriman setem keluaran Terengganu oleh Sultan Zainal Abidin III untuk dipersembahkan kepada Raja Great Britian sebagaimana yang dititahkan. Dalam pada masa yang sama, baginda turut menghadiahkan setem kepada Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Arthur Young K. C. M. G. yang diamanahkan oleh baginda untuk menyampaikan setem-setem tersebut kepada Raja Great Britain. Warkah diplomasi Sir Arthur Young ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kiriman setem buatan Terengganu telah diterima beliau dan selesai dipersembahkan kepada Raja Great Britain. Selain itu, Arthur Young turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Sultan Zainal Abidin III atas kurniaan setem kepada beliau sebagai tanda ingatan persahabatan mereka.

Akhir sekali, kandungan warkah 10 (ANM 1957/0599074) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih Sultan Zainal Abidin III kepada Tuan Arthur Young K. C. M. G. atas ingatan, doa serta ucapan beliau yang baik-baik buat baginda sempena ulang tahun keputeraan baginda. Menerusi warkah diplomasi ini baginda turut berkongsi rasa sukacita hatinya setelah menerima dan membaca warkah yang telah diutus oleh Tuan Arthur Young itu.

Meskipun warkah diplomasi yang bertarikh 17 Zulhijjah 1333 ini mengandungi mesej yang ringkas, namun kandungannya jelas mencerminkan tautan mahabbah yang sangat erat antara Sultan Zainal Abidin III dengan Tuan Arthur Young. Selain itu, warkah ini juga menunjukkan pengiktirafan pihak Pesuruhjaya Tinggi British terhadap Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin III.

Kesimpulan

Konklusinya, perutusan warkah-warkah diplomasi antara Sultan Zainal Abidin III dengan Pesuruhjaya Tinggi British telah berjaya mewujudkan hubungan serta kerjasama yang baik antara negeri Terengganu dengan Kerajaan British. Komunikasi diplomatik menerusi warkah-warkah ini dieratkan lagi dengan pemberian hadiah serta amalan kunjungan hormat antara kedua-dua pemimpin. Hasilnya hubungan diplomasi Terengganu-British telah berjaya melambatkan campur tangan British di Terengganu. Di samping itu, hubungan diplomatik tersebut turut memberi banyak manfaat kepada negeri Terengganu khususnya dalam menjamin kedaulatan negeri serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesihatan rakyat di negeri Terengganu. Justeru itu, amalan dan cara komunikasi diplomatik yang diperlakukan oleh Sultan Zainal Abidin III ini perlu dijadikan panduan dan ikutan pemimpin hari ini khususnya dalam memperkuatkan hubungan diplomatik Malaysia. Justeru itu, diharapkan kajian secara menyeluruh terhadap kesemua warkah-warkah Sultan Zainal Abidin III baik dari aspek bahasa, struktur, isi kandungan maupun tema kandungannya yang tertentu dapat diperbanyak, pada masa akan datang. Menerusi kajian-kajian seperti ini khazanah warisan Kesultanan

Melayu terdahulu khususnya warkah Kesultanan Melayu Terengganu dapat diketengahkan kepada masyarakat.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Malaysia Terengganu atas pemberian dana untuk penyelidikan ini, di bawah Geran Penyelidikan Strategik Universiti Malaysia Terengganu 2022 (UMT/SRG/2022/55374). Selain itu, penulis juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Terengganu dan Perpustakaan Muzium Negeri Terengganu atas segala kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

Ab. Karim, A. R. (2005). Manuskip surat-surat Melayu: Estetika yang diabaikan (kertas yang tidak diterbitkan). Diakses pada 6 Mei 2024 <https://www.researchgate.net/publication/308078852>

Ab. Karim, A. R. (2005). Warkah-warkah kesultanan Melayu lama koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Analisis komponen dan binaan warkah. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15: 183-201.

Abd Wahab, N., Ramli, Z. dan Abdullah, M. F. (2023). Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah on the socio-economy of Terengganu, 1920-1942. *Global Journal Al-Thaqafah*, 13(2): 41-56.

Adil, B. (1982). *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Karim, A. R. (2018). The use of seal in early Malay official letters: A personal

identity and ethnic culture. *Jurnal Arbitrer*, 5(1): 1-7.

Abdullah, A. B. (1986). Ke arah perlaksanaan undang-undang Islam di Malaysia: Masalah dan penyelesaiannya. Terengganu: Pustaka Denai.

ANM 1985/0000060, Arkib Negara Malaysia, Negeri Terengganu.

ANM 1985/0000111, Arkib Negara Malaysia, Negeri Terengganu.

ANM 1985/0000147, Arkib Negara Malaysia, Negeri Terengganu.

ANM 1957/0581521, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ANM 1957/0583173, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ANM 1957/0583174, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ANM 1957/0592683, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ANM 1957/0594846, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ANM 1957/0599074, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ANM 2007/0052858, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Awang, M. S. (1992). *Sejarah Darul Iman hingga 1361H (1942M)*. (ed. 3). Terengganu, Malaysia: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.

Gallop, A. T. (1994). The legacy of the Malay letter: Warisan warkah Melayu.

London: British Library for the National Archives of Malaysia.

Hamzah, A. H dan Ahmad, S. (2015). Keindahan gaya bahasa Syair Rawd al-Amani: Aplikasi teori ‘ilm al-majaz al-mufrad Syeikh Ahmad al-Fatani dalam puisi pujian dan pengharapan beliau kepada Sultan Zainal Abidin III. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VI: Ulama dan Umara Berpisah Tiada, 26-35.

Hashim, M. Y. (1991). Terengganu Darul Iman: tradisi persejarahan Malaysia. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun, J. (2017). Zainal Abidin III: Biografi sultan yang adil dan alim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majid, G. M. (2019). Diplomatic correspondence: A comparative study on Malay and Javanese letters in 1800s. *The Indonesian Journal of Southeast Asian Studies*, 2(2): 287-310.

Merriam, S. B. (2001). Qualitative research and case study applications in education. San Francisco: Jossey-Bass Publication.

Mohamed Amin, A. R. (2019). Warkah Sultan Ibrahim 1785-1794: Cerminan politik dan ekonomi Selangor pada hujung abad ke-18. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2): 181-205.

Mohamed Amin, A. R. (2020). Politik dan ekonomi Terengganu pada hujung abad ke-18: Kajian terhadap warkah Sultan Mansur Shah I. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2): 271-298.

Muda, M. R. (1989). Pentadbiran hukum syarak Negeri Terengganu: Satu kajian pelaksanaannya di zaman Sultan Zainal

Abidin III. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Muhammad, S. J. N. (2018). Islamic diplomatic mechanism in Malay Sultanate letter. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(8): 596-607.

Ngah, M. I (1983). Sistem pentadbiran di Terengganu antara tahun 1909 hingga 1939: Satu tinjauan. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

Omar Din, M. A. dan Nik Mahmud, N. A. (2011). Dirgahayu tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008. Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.

Raja Ariffin, R. M. (2001). Bahasa Melayu dalam warkah terpilih. *Jurnal Bahasa*, 1(2): 213-284.

Rakhadiyanti, M. A., and Limbong, P. F. (2020). Islamic custom of letter and seal in Sarakata manuscript “surat-surat dari Aceh”. *Heritage of Nusantara: International Journal of Religious Literature and Heritage*, 9(2): 197-243.

Tuan Shariff, T. R. (1984). Pentadbiran agama Islam di Terengganu dari tahun 1911 hingga 1930-an. Jebat: *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 13: 119-148.